

## PENAMAAN

Hasrita (bukan nama sebenar) merupakan seorang graduan lulusan luar negara. Di saat graduan lain sibuk mencari peluang pekerjaan, Hasrita beruntung kerana peluang pekerjaan telah sedia menanti dan beliau telah ditawarkan bekerja sebagai seorang Jurutera dengan gaji yang cukup setimpal.

Apabila memulakan kerjaya, KWSP adalah akronim yang baharu dan cukup asing bagi beliau. Ketika mengisi ruangan penamaan, sudah tentu diletakkan ibu dan ayahnya sebagai penama tanpa memikirkan tentang implikasi dan isi kandungannya.

Selang beberapa tahun kemudian, Hasrita telah berkahwin walaupun kedua ibu dan ayahnya seakan kurang senang dengan kehadiran suaminya, Riduan (bukan nama sebenar). Pada pandangan mereka, pasangan ini tidak sepadan kerana pendapatan Hasrita lebih lumayan berbanding si suami yang hanya bekerja biasa-biasa sahaja.

Bahtera perkahwinan di antara Riduan dan Hasrita cukup bahagia tambahan dengan lahirnya sepasang anak kembar menjelang 2 tahun usia perkahwinan mereka.

Namun, ketika bakal menyambut ulang tahun perkahwinan yang ke-10, Hasrita mengalami kemalangan yang meragut nyawanya. Berita ini cukup memilukan buat mereka sekeluarga.

Beberapa bulan selepas itu, ketika membuat permohonan Pentadbiran Pusaka arwah isterinya, Riduan mendapat perkhabaran bahawa wang KWSP Hasrita telah dibayar kepada ibu dan ayahnya sementara mereka adalah penama kepada wang caruman tersebut. Lebih malang lagi, wang tersebut telah habis dibelanja tanpa memikirkan nasib si kembar yang masih kecil. Walhal, penama bukanlah penerima mutlak kepada wang caruman KWSP tersebut. Hasrat Riduan untuk melangsaikan hutang arwah isterinya seperti hutang pinjaman peribadi dan kad kredit tidak kesampaian. Maka, permohonan pentadbiran pusaka hanya dilaksanakan bagi wang simpanan milik Hasrita dan wang pampasan dari majikan tempat arwah bekerja sahaja.

Selesai urusan pentadbiran pusaka arwah isterinya, Riduan bertindak bijak apabila menyimpan bahagian yang diwarisi oleh anak-anaknya ke dalam Akaun Amanah. Akaun Amanah ini telah dibuka secara automatik oleh AmanahRaya apabila melibatkan waris di bawah umur bagi melindungi hak mereka sehingga mereka mencapai umur dewasa.

## PENGAJARAN

1. Penama hanyalah Wasi dan bukan penerima mutlak. Wasi merupakan pentadbir dan perlu mengagihkan wang caruman KWSP simati kepada waris-waris yang berhak menurut Hukum Syarak.
2. Harta Pusaka adalah harta peninggalan simati kepada waris-warisnya setelah ditolak hutang-piutang milik simati.
3. Bahagian yang diwarisi oleh waris bawah umur akan disimpan di dalam Akaun Amanah di AmanahRaya bagi melindungi kebajikan mereka sehingga mencapai umur dewasa.